



ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Pengenalan	2
Tujuan	2
Prinsip Asas Garis Panduan	3
Tatacara Penggunaan <i>Wireless Broadband Internet</i>	4
Tatacara Penggunaan Jaringan/ Laman Media Sosial	6
Tarikh Kuat kuasa Garis Panduan	8

PENGENALAN

Internet adalah merupakan punca maklumat yang luas dan tidak dapat dikawal secara mutlak. Internet juga merupakan suatu keperluan yang penting dalam skop pelaksanaan tugas oleh pegawai dan kakitangan di Jabatan ini. Disebabkan keadaan ini, suatu bentuk panduan perlulah diwujudkan untuk memastikan penggunaan internet adalah bagi tujuan yang bermanfaat.

Impak bagi penggunaan Internet dengan cara yang tidak bertanggungjawab atau tanpa panduan akan menjadi ancaman terhadap keselamatan dan kerahsiaan maklumat Jabatan.

Selaras dengan perkembangan teknologi Internet, pelbagai kemudahan baru telah diwujudkan seperti media jalinagn sosial. Penggunaan media ini adalah sangat berguna kepada Jabatan di dalam mendekati pihak awam. Namun, perhatian perlu diberikan kepada aspek kesesuaian kandungan atau *posting* yang dimuatnaik dan dipaparkan supaya tidak melanggar mana-mana arahan dan peraturan semasa yang berkaitan dengan Kerajaan.

Untuk memastikan *wireless broadband Internet* dan media jaringan sosial digunakan dengan bijak dan selamat, garis panduan ini diwujudkan untuk dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan Jabatan yang menggunakan kemudahan di atas.

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menggariskan penggunaan perkhidmatan *wireless broadband internet* dan media jaringan sosial yang sesuai dan selari dengan keperluan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Panduan ini adalah untuk dipatuhi oleh semua pegawai dan kakitangan JBPM sebagai pengguna, bagi melindungi daripada risiko keselamatan penggunaan internet dengan menggunakan *wireless broadband* serta laman media sosial.

PRINSIP ASAS GARIS PANDUAN

a. Akauntabiliti

Semua pengguna adalah bertanggungjawab ke atas semua tindakannya terhadap aset ICT JBPM

b. Pematuhan

Dasar Keselamatan ICT JBPM hendaklah dibaca, difahami dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang bentuk pelanggaran ke atasnya yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan ICT;

c. Saling Bergantungan

Setiap prinsip di atas adalah saling lengkap-melengkapi dan bergantung antara satu sama lain. Dengan itu, tindakan mempelbagaikan pendekatan dalam menyusun dan mencorakkan sebanyak mungkin mekanisme keselamatan adalah perlu bagi menjamin keselamatan yang maksimum.

TATACARA PENGGUNAAN *WIRELESS BROADBAND INTERNET*

1. Berikut adalah tatacara yang perlu diamalkan semasa menggunakan kemudahan internet melalui *wireless broadband* :

1.1. Hak Akses Pengguna

Akses ke internet perlu dilihat sebagai kemudahan yang dapat membantu melicinkan urusan pentadbiran atau meningkatkan perkhidmatan yang disediakan. Pengguna mestilah mengambil maklum bahawa semua aset ICT di bawah kawalannya (termasuk maklumat) adalah hak milik Kerajaan.

1.2. Memilih Laman

Laman yang dilayari hendaklah hanya yang berkaitan dengan bidang kerja dan terhad untuk tujuan yang dibenarkan oleh Jabatan berpandukan kepada Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Jabatan.

1.3. Pengesahan Maklumat

Bahan yang diperolehi dari Internet perlulah ditentukan ketepatan dan kesahihannya. Sebagai amalan baik, rujukan sumber Internet hendaklah juga dinyatakan.

1.4. Muat Naik Bahan

Bahan rasmi yang hendak dimuat naik ke Internet hendaklah disemak dan mendapat pengesahan daripada Ketua Jabatan atau pegawai yang diberi kuasa sebelum dimuat naik.

1.5. Muat Turun Bahan

Tindakan memuat turun hanya dibenarkan ke atas bahan yang sah seperti perisian yang berdaftar dan di bawah hak cipta terpelihara. Sebarang bahan yang dimuat turun dari Internet hendaklah digunakan untuk tujuan yang dibenarkan oleh jabatan sahaja.

2. Semua penguuna juga **mestilah** menggunakan kemudahan *wireless broadband* internet dengan mengamalkan pendekatan yang berikut :

2.1. Kegunaan adalah bagi tujuan urusan rasmi Jabatan semasa berada di luar pejabat;

2.2. Membuat scanning pada bahan yang ingin dimuat naik atau dimuat turun;

2.3. Memastikan kata laluan disimpan dan tidak didedahkan;

2.4. Memastikan perisian keselamatan seperti antivirus pada komputer dan laptop sentiasa diaktifkan;

2.5. Memastikan tindakan *clear history* dilakukan selepas selesai melayari Internet untuk mengelakkan kecurian maklumat.

- 2.6. Proses penyulitan terhadap maklumat, dokumen dan data rasmi kerajaan perlu dilakukan terlebih dahulu iaitu dengan meletakkan kata laluan ke atas maklumat, dokumen atau data sebelum dihantar; dan
- 2.7. Komunikasi melalui e-mel mestilah dilakukan dengan menggunakan e-mel rasmi Jabatan
3. Semua pengguna juga **dilarang** menggunakan kemudahan *wireless broadband internet* bagi aktiviti yang berikut :
 - 3.1. Melayari laman web, memuat naik, memuat turun dan menyimpan material, teks ucapan, imej atau bahan-bahan yang tidak dibenarkan seperti bahan-bahan yang mengandungi unsur-unsur lucah, menimbulkan keadaan huru-hara, menakutkan pengguna Internet yang lain dan mencemar reputasi Jabatan atau Kerajaan Malaysia;
 - 3.2. Memuat naik, memuat turun, menyimpan dan menggunakan perisian tidak berlesen atau cetak rompak dan melanggar akta Hak Cipta;
 - 3.3. Memuat naik, memuat turun, menghantar dan menyimpan kad elektronik, video, lagu dan kepingan fail terlalu besar yang boleh mengakibatkan kelembapan perkhidmatan internet tanpa wayar;
 - 3.4. Menyalahgunakan kemudahan perbincangan awam atas talian seperti newsgroup, forum, blog dan bulletin board;
 - 3.5. Menggunakan kemudahan Internet untuk tujuan peribadi, aktiviti-aktiviti komersial dan politik;
 - 3.6. Melakukan aktiviti jenayah seperti menyebarkan bahan yang membabitkan perjudian, senjata dan aktiviti penganas;
 - 3.7. Melakukan percubaan untuk mencerooboh laman web dan aplikasi Jabatan dan organisasi atau pihak lain; dan
 - 3.8. Menyertai aktiviti dalam talian seperti hacking, spamming, sniffing, spoofing, mencuri maklumat atau memberikan maklumat palsu.
4. Kawalan Penggunaan *Wireless Broadband Internet*
 - 4.1. Penggunaan adalah di atas tujuan guna sama bagi Bahagian/ Cawangan dan tidak boleh dijadikan hak milik individu pegawai atau kakitangan;
 - 4.2. Log bagi merekodkan pergerakan dan peminjaman perlu diwujudkan dan dikemaskini oleh setiap Bahagian/ Cawangan yang dipertanggungjawabkan ke atas modem broadband tersebut.

TATACARA PENGGUNAAN JARINGAN/ LAMAN MEDIA SOSIAL

1. Media sosial yang digunakan oleh JBPM sebagai laman rasmi pada masa kini adalah menggunakan laman *facebook* dengan pautan *URL* seperti yang berikut :

<http://www.facebook.com/BombaMalaysia.syed/info>

2. Laman media sosial lain yang diwujudkan oleh pihak Ibupejabat Negeri, Zon dan Balai (BBP) adalah di bawah tanggungjawab dan pemantauan Pengarah Negeri, Ketua Zon dan Ketua Balai masing-masing.
3. Secara asasnya, penggunaan media sosial adalah tertaluk kepada peraturan yang berkaitan dengan penggunaan kemudahan ICT di dalam Dasar Keselamatan ICT (DKICT) JBPM. Berikut adalah asas yang perlu diamalkan semasa melayari atau menggunakan laman media sosial :
 - 3.1. Mestilah mematuhi Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 1 tahun 2003 "*Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi Kerajaan*".
 - 3.2. Memastikan sebarang bentuk maklumat yang dikongsi, dimuat naik dan disebar melalui media sosial tidak menjejaskan kepentingan perkhidmatan awam dan kedaulatan negara; dan
 - 3.3. Memastikan maklumat yang terdapat di laman atau media sosial tidak melibatkan dokumen terperingkat Jabatan.
4. Tanggungjawab Pegawai Mengendalikan Laman Web Media Sosial Agensi
 - 4.1. Memastikan kandungan yang tidak bercanggah dengan dasar Kerajaan;
 - 4.2. Menjadikan laman web jaringan sosial sebagai media dalam mempromosi dan memberi publisiti kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan Kerajaan;
 - 4.3. Memastikan kandungan dan kesesuaiannya serta yang mempunyai kepentingan untuk dimaklumkan kepada orang awam;
 - 4.4. Memastikan kekerapan pengemaskinian maklumat dan memastikan ia relevan;
 - 4.5. Menghapuskan kandungan dan maklumat yang diterima dari orang awam yang tidak relevan dengan aktiviti agensi;
 - 4.6. Memastikan pautan dan kandungan antara laman web jaringan sosial dan laman web rasmi agensi hendaklah jelas dan tidak bertindih;
 - 4.7. Menggunakan logo rasmi agensi di dalam laman web jaringan sosial;
 - 4.8. Menggunakan e-mel rasmi di dalam profil laman web jaringan sosial;

- 4.9. Menggunakan foto dan/atau video yang dapat memperjelaskan mesej yang hendak disampaikan dalam keadaan yang bersesuaian;
 - 4.10. Memasukkan penerangan terhadap foto dan/atau video yang digunakan bagi membantu carian oleh pengguna;
 - 4.11. Menggunakan perkataan hak cipta terpelihara pada semua kandungan foto dan/atau video;
 - 4.12. Menggunakan ayat yang ringkas, padat, tepat dan jelas maksudnya; dan
 - 4.13. Menyediakan pernyataan penafian (disclaimer) terhadap sebarang kerosakan sekiranya dialami oleh pengguna semasa menggunakan laman web jaringan sosial.
5. Tanggungjawab Pengguna Di Agensi
- 5.1. Mencapai laman web jaringan sosial yang hanya berkaitan dengan urusan rasmi agensi pada waktu pejabat;
 - 5.2. Menggunakan ayat yang lengkap dan jelas maksudnya;
 - 5.3. Tidak memaparkan isu-isu sensitif seperti agama, politik dan perkauman serta yang berunsur fitnah atau hasutan;
 - 5.4. Tidak memaparkan kenyataan-kenyataan yang boleh menjejaskan imej Kerajaan; dan
 - 5.5. Tidak menggunakan laman web jaringan sosial untuk mengaibkan individu tertentu.
6. Tanggungjawab Pentadbir Rangkaian
- 6.1. Memastikan pengurusan content filtering sentiasa berfungsi dalam menapis capaian ke laman web jaringan sosial yang tiada kaitan dengan kegunaan rasmi agensi;
 - 6.2. Memantau serta menganalisis transaksi capaian pengguna agensi ke atas laman web jaringan sosial luar agar tidak mengganggu prestasi rangkaian di Agensi; dan
 - 6.3. Memastikan akses ke laman media sosial dihadkan penggunaannya samada dari segi masa atau bandwidth bagi memastikan aktiviti jaring sosial tidak memberi kesan terhadap kelajuan rangkaian Internet Jabatan.

Garis Panduan Penggunaan Perkhidmatan *Wireless Broadband Internet* Dan Media Jaringan Sosial Di Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

TARIKH KUAT KUASA GARIS PANDUAN

Garis panduan ini berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012 dan terpakai kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).